

Peniaga kecil diseru menyedari hakikat

KUALA LUMPUR, Isnin

— Peniaga-peniaga kecil di Bandaraya ini harus sedar hakikat bahawa mereka merupakan peniaga sementara saja kerana satu hari nanti mereka pasti menjadi peniaga yang sederhana ataupun peniaga besar.

Kejayaan seseorang peniaga kecil bukanlah terletak kepada bayaran sewa tempat berniaga tetapi usaha, rancangan dan keikhlasan peniaga kecil itu sendiri untuk memajukan perniagaannya.

"Saya berharap peniaga kecil akan mengikis pendapat bahawa keuntungan hanya boleh dijamin sekiranya tidak ada sewa yang perlu dibayar kerana ramal yang berniaga di tempat yang sewanya tinggi mendapat keuntungan

lumayan."

Demikianlah nasihat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad selaku Penangung Persatuan Peniaga ketika merasmikan Bandar Tun Razak (Kampung Kongo) di Cheras, kira-kira 10 kilometer dari sini, hari ini.

Perdana Menteri berharap, peniaga-peniaga kecil menanam semangat mereka hanya merupakan peniaga kecil sementara saja — sementara menunggu menjadi peniaga besar.

"Perniagaan secara menaja mendapat perhatian Kerajaan kerana ia bukan saja merupakan sumber pendapatan kepada peniaga kecil tetapi juga dapat membantu mengurangkan inflasi.

"Kerajaan tidak

berniat untuk menghapuskan peniaga-peniaga kecil, sebaliknya mereka akan digalakkan lagi bukan saja untuk memenuhi kehendak masyarakat, juga sebagai daya penarik kepada pelancung," ujarnya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri menganjurkan supaya pihak Bandaran mengambil berat tentang tempat-tempat perniagaan supaya semua kemudahan seperti api dan air disediakan.

"Pihak Bandaran hendaklah mengambil berat tentang persediaan seperti ini dan janganlah hendaknya nanti hingga keadaan memaksa, barulah kemudahan hendak diadakan," tegas beliau.

Sebaliknya pihak pen-

aja pula, tambah Perdana Menteri hendaklah memberi kerjasama mengikuti peraturan yang dikenakan terutamanya tentang kebersihan.

Bercakap berkenaan kebersihan Perdana Menteri menyinggung segolongan masyarakat yang tinggal di rumah-rumah pangsa yang menyidal kain-kain basah di tingkat-tingkap kerana ini mengotorkan pemandangan.

"Bagi mereka yang tinggal di rumah-rumah pangsa, pokok-pokok bunga boleh dihias di tingkat-tingkap. Seberapa yang boleh janganlah menghiaskan rumah pangsa dengan bendera dari kain baju yang dicuci!" jelasnya.